

**PEJABAT BENDAHARI
UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**

UTHM.PB/100-6/4/1 (17)

10 Julai 2009

SURAT PEKELILING BENDAHARI BIL. 3/2009

Semua Pengurus Bahagian

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Y.Bhg. Dato'/Prof./Tuan/Puan

**PINDAAN HAD KELAYAKAN PINJAMAN/PEMBIAYAAN MEMBELI KENDERAAN
BAGI UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**

1. TUJUAN

- 1.1 Surat Pekeliling ini bertujuan memaklumkan pindaan bagi pinjaman/pembayaran membeli kenderaan bagi Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
- 1.2 Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil 1/2009 yang bersidang pada 05 April 2009 telah menerima Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil 12/2008 dengan pindaan.

2. PINJAMAN/PEMBIAYAAN MEMBELI KENDERAAN

- 2.1 Surat Pekeliling Bendahari Bil. 1/2002 merupakan peraturan yang digunakan bagi Pinjaman/Pembayaran membeli kenderaan di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- 2.2 Had kelayakan pinjaman/pembayaran mengikut Surat pekeliling Perbendaharaan Bil 12/2008 adalah seperti berikut :

- | | | |
|-----|---|-----------------|
| (i) | Untuk membeli kereta | Had Kelayakan |
| | | RM70,000 |
| | (a) Jawatan-jawatan Utama dan
Jawatan-jawatan Gred Khas | |
| | (b) Kumpulan Pengurusan dan
Profesional | RM65,000 |
| | (c) Kumpulan Sokongan | RM55,000 |
| | | |
| | (ii) Membeli Motosikal | RM5,000 |
| | (iii) Membeli Motobot | RM4,000 |
| | (iv) Membeli Enjin Motobot | RM3,500 |
| | (v) Membeli bot | RM700 |
| | (vi) Membeli basikal | RM500 |
| 2.3 | Pinjaman/pembiayaan dan bayaran perkhidmatan/keuntungan hendaklah dibayar balik sebanyak yang sama jumlahnya pada tiap-tiap bulan : | |
| | (a) Bagi kereta baru tidak melebihi 108 bulan | |
| | (b) Bagi kereta terpakai tidak melebihi 96 bulan | |
| 2.4 | Surat Perjanjian pembiayaan mengikut Prinsip Al-Bai ‘Bithaman’ Ajil adalah dikehendaki disetem sebanyak RM3.00 . | |

3. PENYEDIAAN BAUCER/CEK SEBELUM KENDERAAN DIBELI

- 3.1 Untuk mengelakkan peminjam menyimpan cek terlalu lama, peminjam hendaklah mendapatkan surat pengesahan daripada pembekal kenderaan, tarikh sebenar kenderaan dapat dibekalkan dan mengemukakannya bersama dengan borang permohonan pinjaman/pembiayaan.
- 3.2 Penyediaan baucer dan penyerahan cek hendaklah berpandukan tarikh kenderaan dibekalkan yang mana baucer bayaran boleh dikemukakan

kepada pejabat pembayaran sebulan sebelum tarikh kenderaan dibekalkan.

4. TARIKH KUATKUASA

- 4.1 Surat Pekeliling Bendahari ini berkuat kuasa daripada tarikh kelulusan Lembaga Pengarah Universiti.

Sekian, terima kasih.

“DENGAN HIKMAH KITA MENEROKA”

Yang benar,



ABU BAKAR BIN HUSSAIN

Bendahari

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

07-4537050

- | | | |
|-----|---|---|
| s.k | - | Y.Bhg. Dato' Naib Canselor |
| | - | Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) |
| | - | Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) |
| | - | Ketua Audit Dalam |